KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	18/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	PERHILITAN			

Jurutera ajal langgar gajah

Lelaki terbunuh, tiga ahli keluarga lain selamat dalam insiden di Kluang

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
am@hmetro.com.my

Kluang

Seorang penolong jurutera sebuah universiti awam terbunuh selepas kereta dipandunya melanggar seekor gajah liar yang keluar dari kawasan hutan di Kilometer 70, Jalan Kota Tinggi-Kluang, kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kluang Deputi Superintendan Abdul Razak Abdullah Sani berkata, Ismail Daud, 37, meninggal dunia di lokasi kejadian akibat tersepit di tempat duduk pemandu.

Katanya, sebelum kejadian mangsa bersama tiga ahli keluarga dalam perjalanan ke Taman Sri Impian dari Felda Bukit Tongkat di sini.

"Hasil siasatan awal di tempat kejadian mendapati mangsa melanggar seekor gajah liar dan menyebabkan gajah itu menghempap kenderaan dipandunya.

"Mangsa tersepit dan meninggal dunia di tempat kejadian manakala penumpang lain mengalami kecederaan serta mendapat rawatan di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom," katanya ketika dihubungi, semalam.

> "Sebelum kejadian mangsa bersama tiga ahli keluarga dalam perjalanan ke Taman Sri Impian
> Abdul Razak

Dalam pada itu, menurut Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Renggam, Pegawai Bomba Kanan I Abd Rahim Razali, berkata Pusat Gerakan Operasi (PGO) Negeri Johor menerima panggilan kecemasan kemalangan jalan raya pada jam 9.59 malam dan sebuah jentera FRT dari BBP Renggam dengan kekuatan lapan anggota dihantar ke tempat kejadian.

"Setibanya Pasukan Keluaran Operasi (PKO) di tempat kejadian didapati kemalangan jalan raya membabitkan sebuah kereta Honda City dan tiga mangsa sudah dikeluarkan oleh orang awam.

"Mereka sudah diserahkan kepada pihak ambulans Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum PKO tiba di lokasi.

"PKO bertindak mengeluarkan seorang mangsa di bahagian tempat duduk pemandu dan mangsa disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan," katanya.

Beliau berkata, mangsa seterusnya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya dan operasi ditamatkan pada jam 10.44 malam.



KEADAAN kereta selepas kemalangan di kilometer 70, Jalan Kota Tinggi-Kluang, kelmarin.



JASAD mangsa dikeluarkan dari lokasi kejadian.

